

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XIV)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

17. Apakah maklumat keadaan terkini bagi Projek Pintasan / Laluan Mount Erskine, Jalan Burma untuk informasi para penduduk?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. Status terkini Cadangan Projek Pembinaan Pintasan Jalan Bawah (*underpass*) dari Jalan Mount Erskine ke Jalan Burma adalah seperti berikut:

- (i) Proses pengambilan tanah untuk semua lot yang terlibat telah siap dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Timur Laut;
- (ii) Reka bentuk terperinci untuk projek ini telah disiapkan oleh pihak perunding yang dilantik oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP);
- (iii) Pihak MBPP telah membuat permohonan peruntukan bagi melaksanakan projek ini di bawah Rancangan Malaysia Ke 12 (RMK-12). Sekiranya permohonan peruntukan tersebut tidak diluluskan, maka pihak MBPP akan membiayai projek ini menggunakan peruntukan sedia ada MBPP;
- (iv) Projek pembinaan jalan sambungan yang menghubungkan Persiaran Halia 3 ke laluan tepi Pasar Mount Erskine sedang dilaksanakan oleh pemaju Aspen Vision Ventures Sdn. Bhd. yang telah disyaratkan untuk membina jalan sambungan tersebut;
- (v) Kerja-kerja penstabilan cerun dan saliran sedang dijalankan di tapak; dan
- (vi) Pihak MBPP menjangkakan projek akan disiapkan pada hujung tahun 2020.